



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 549

AKTA STANDARD MALAYSIA

1996

Sebagaimana pada 30 April 2012

AKTA STANDARD MALAYSIA

| | | | | |
|---|-----|-----|-----|---------------|
| Tarikh Perkenan Diraja | ... | ... | ... | 15 Julai 1996 |
| Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> | ... | ... | ... | 25 Julai 1996 |
| Kali terakhir dipinda melalui Akta A1425 yang mula berkuat kuasa pada | ... | ... | ... | 15 April 2012 |

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

| | | | | |
|------------------------------------|-----|-----|-----|------|
| <i>Cetakan Semula Yang Pertama</i> | ... | ... | ... | 2002 |
| <i>Cetakan Semula Yang Kedua</i> | ... | ... | ... | 2006 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 549

AKTA STANDARD MALAYSIA 1996

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGANTI

3. Peletakhakan
4. Pegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti
5. Pelaburan Kerajaan dalam penerbitan selanjutnya syer syarikat pengganti
6. Kakitangan
7. Kerajaan Malaysia hendaklah memegang semua syer dalam syarikat pengganti
8. Menteri Kewangan hendaklah memegang syer

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD

Seksyen

9. Pelantikan Ketua Pengarah
10. Kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah
11. Kuasa untuk mewakili
12. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN MAJLIS STANDARD DAN AKREDITASI

13. Penubuhan Majlis Standard dan Akreditasi dan fungsinya
14. Jawatankuasa

BAHAGIAN V

STANDARD DAN AKREDITASI

15. Standard Malaysia
16. Perakuan akreditasi
17. Sekatan atas penggunaan perkataan
18. Kesalahan pelbagai
- 18A. Pemunyaan Standard Malaysia
19. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
20. Ciri-ciri komoditi, dsb., boleh ditetapkan dengan merujuk kepada Standard Malaysia
21. Sebutan dan bukti standard

BAHAGIAN VA
PENGUATKUASAAN

Seksyen

- 21A. Pegawai diberi kuasa
- 21B. Kad kuasa
- 21C. Kuasa penyiasatan
- 21D. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
- 21E. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
- 21F. Waran boleh diterima walau apa pun kerosakan
- 21G. Akses kepada data berkomputer
- 21H. Senarai komputer, buku, rekod, dsb., yang disita
- 21I. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
- 21J. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
- 21K. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
- 21L. Pelepasan komputer, buku, rekod, dsb., yang disita
- 21M. Kos memegang komputer, buku, rekod, dsb., yang disita
- 21N. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 21O. Kuasa tambahan
- 21P. Menghalang pegawai diberi kuasa

BAHAGIAN VI

AM

- 22. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN VII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

Seksyen

23. Pemansuhan dan kecualian
24. Penerusan prosiding jenayah dan sivil
25. Kecualian bagi standard, tanda dan lesen
26. Pencegahan anomali

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 549

AKTA STANDARD MALAYSIA 1996

Suatu Akta untuk membuat peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubungan dengan standard, akreditasi dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[1 September 1996, P.U. (B) 322/1996]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Standard Malaysia 1996 dan hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“akreditasi” ertinya suatu tatacara yang melaluinya Jabatan memberikan pengakuan bahawa sesuatu badan penilaian pematuhan adalah berwibawa untuk menjalankan aktiviti penilaian pematuhan tertentu;

“badan yang diiktiraf”, berhubung dengan standard, ertinya suatu entiti undang-undang atau pentadbiran yang mempunyai tugas dan komposisi tertentu, dengan kuasa yang diakui bagi menerbitkan standard;

“hak” ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif;

“harta” termasuk —

- (a) segala harta alih dan tak alih dan segala kepentingan, hak dan liabiliti, sama ada di sisi ekuiti atau undang-undang dalam, kepada atau daripada harta itu, hak dalam tindakan, pelaburan, wang dan nama baik; dan
- (b) segala hak dan liabiliti berkenaan dengan kontrak yang berhubung dengan pembinaan bangunan,

dan “terletak hak”, berhubung dengan harta, termasuk hak kepada harta yang masa hadapan atau kontingen;

“Institut” ertinya Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 [*Akta 157*];

“Jabatan” ertinya Jabatan Standard, Malaysia yang bertanggungjawab bagi penstandardan dan akreditasi kebangsaan;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Standard yang dilantik di bawah seksyen 9;

“komoditi” ertinya apa-apa artikel, keluaran atau benda yang menjadi perkara tred atau perdagangan;

“liabiliti” ertinya tiap-tiap jenis liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan, dan obligasi (sama ada masa kini atau masa hadapan, sebenar atau kontingen, dan sama ada kena dibayar atau dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain);

“Majlis” ertinya Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah subseksyen 13(1);

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi standard dan akreditasi;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seorang pegawai Jabatan atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 21A;

“penilaian pematuhan” ertinya suatu aktiviti pengujian, penentuan, pemeriksaan, pensijilan atau apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi maksud menunjukkan bahawa kehendak tertentu yang berhubungan dengan komoditi, proses, sistem, orang, amalan atau perkhidmatan dipenuhi;

“pensijilan” ertinya suatu tatacara yang melaluinya pihak ketiga memberikan jaminan bertulis bahawa kehendak tertentu yang berhubungan dengan komoditi, proses, sistem, orang, badan, amalan atau perkhidmatan dipenuhi;

“penstandardan” ertinya aktiviti menetapkan, mengenai masalah sebenar atau berpotensi, peruntukan bagi kegunaan biasa dan berulang, dengan tujuan mencapai tahap optimum keteraturan dalam sesuatu konteks yang diberikan;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 22;

“peraturan teknikal” ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang memperuntukkan bagi kehendak teknikal, sama ada secara langsung atau dengan merujuk kepada atau menggabungkan kandungan sesuatu standard, standard teknikal atau kod amalan;

“premis” termasuk apa-apa pondok, bangsal, struktur, platform, rumah, bangunan, pengangkut dan tanah sama ada tertutup atau dibina di atasnya;

“simbol akreditasi” ertinya suatu simbol yang dilindungi yang digunakan atau dikeluarkan di bawah sistem akreditasi yang diwujudkan dan dikendalikan oleh Jabatan;

“standard” ertinya suatu dokumen yang diwujudkan secara sepersetujuan dan diluluskan oleh suatu badan yang diiktiraf, yang memperuntukkan, bagi kegunaan biasa dan berulang, kaedah-kaedah, garis panduan atau ciri bagi aktiviti atau keputusan aktiviti itu, yang matlamatnya ialah pencapaian peringkat susunan yang optimum dalam sesuatu konteks yang diberikan, yang pematuhannya tidak mandatori;

“Standard Malaysia” ertinya sesuatu standard yang diisytiharkan di bawah seksyen 15;

“Standard Malaysia sementara” ertinya sesuatu standard yang belum melalui tatacara formal pertimbangan jawatankuasa teknikal dan komen awam dan —

- (a) yang pada pendapat Majlis diperlukan segera; atau
- (b) yang berkenaan dengannya Menteri berpendapat bahawa penggunaannya secara cubaan perlu sebelum ia boleh dimuktamadkan;

“syarikat pengganti” ertinya syarikat yang terhad oleh syer yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan yang dinamakan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 3(1) yang kepadanya harta, hak, liabiliti dan fungsi Institut dipindahkan dan terletak hak di bawah subseksyen 3(1);

“tanda” termasuklah apa-apa peranti, jenama, tajuk, label, tiket, nama, tandatangan, perkataan, huruf, angka, dan apa-apa kombinasinya;

“tanda pematuhan” ertinya tanda terpelihara, yang dipakai atau dikeluarkan di bawah kaedah-kaedah sesuatu sistem pensijilan, yang menunjukkan bahawa keyakinan yang memadai diberikan bahawa komoditi, proses, sistem, orang, amalan atau perkhidmatan yang relevan itu menepati standard yang tertentu atau dokumen normatif yang lain;

“tarikh peletakhakan” ertinya tarikh bila segala harta, hak, liabiliti dan fungsi Institut dipindahkan kepada atau terletak hak pada syarikat pengganti sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 3(1).

BAHAGIAN II

PELETAKHAKAN HARTA, DSB., PADA SYARIKAT PENGGANTI

Peletakhakan

3. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu, segala harta, kecuali tanah yang disebut dalam subseksyen (2), hak, liabiliti dan fungsi Institut hendaklah, menurut Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Mana-mana tanah yang dipegang atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan yang sebelum sahaja tarikh peletakhakan diduduki oleh Institut hendaklah terus diduduki oleh syarikat pengganti di bawah suatu pajakan pada sewa dan atas apa-apa terma yang dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan syarikat pengganti.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), hanya fungsi Institut yang di bawah Akta ini tidak terletak hak pada Ketua Pengarah dan mana-mana badan lain boleh dipindahkan kepada syarikat pengganti.

(4) Tiap-tiap harta yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti hendaklah terletak hak sedemikian pada

syarikat itu bagi hak milik atau kepentingan yang serupa sebagaimana ia terletak hak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu.

(5) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, selepas tarikh peletakhakan itu, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh syarikat itu atas namanya sendiri dan tidak perlu bagi syarikat itu atau Institut memberikan notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai peletakhakan yang dilaksanakan melalui subseksyen (1).

(6) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak melalui subseksyen (1) pada syarikat pengganti boleh, pada atau selepas tarikh peletakhakan itu, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat itu atas namanya sendiri dan tidak perlu bagi syarikat itu atau Institut memberikan notis kepada orang yang hak dan liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(7) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Institut yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada atau selepas tarikh peletakhakan itu, diteruskan oleh atau terhadap syarikat pengganti itu.

(8) Dalam hal hak dan liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana pinjaman yang terletak hak pada syarikat pengganti pada tarikh peletakhakan, syarikat itu boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak dan liabiliti sedemikian dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak ketiga.

(9) Pada atau selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti di bawah subseksyen (1) yang Institut ialah pihak kepadanya sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada jenis yang hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Institut, hendaklah berkuat kuasa seolah-olah syarikat itu telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu.

(10) Walau apa pun subseksyen (9), mana-mana perjanjian yang dibuat oleh Institut, yang hal perkaranya berhubungan dengan apa-apa perkara termasuk dalam kuasa dan fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini, hendaklah, pada tarikh peletakhakan diturunkan kepada Kerajaan dan hendaklah berkuat kuasa seolah-olah Kerajaan telah menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu.

(11) Jika menurut kuasa subseksyen (1), apa-apa harta berpindah kepada dan terletak hak pada syarikat pengganti, peruntukan dalam Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] hendaklah, bagi maksud melaksanakan pendaftaran peletakhakan sedemikian, terpakai bagi syarikat pengganti, seolah-olah ia pihak berkuasa awam.

Pegangan permulaan Kerajaan dalam syarikat pengganti

4. (1) Berbangkit daripada peletakhakan pada syarikat pengganti akan harta, hak dan liabiliti di bawah subseksyen 3(1), syarikat pengganti itu hendaklah menerbitkan apa-apa sekuriti syarikat sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri.

(2) Sekuriti yang dikehendaki diterbitkan menurut seksyen ini hendaklah diterbitkan atau diumpukkan pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma, tentang pengumpulan, sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan selepas berunding dengan Menteri.

(3) Sekuriti di bawah seksyen ini —

- (a) hendaklah daripada apa-apa nilai nominal sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan; dan
- (b) hendaklah diterbitkan sebagai berbayar penuh dan dikira bagi maksud Akta Syarikat 1965 seolah-olah ia telah dibayar disebabkan pembayaran nilai nominalnya kepada syarikat pengganti.

(4) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Menteri Kewangan menurut kuasa seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pelaburan Kerajaan dalam penerbitan selanjutnya syer syarikat pengganti

5. (1) Penerbitan selanjutnya syer syarikat pengganti hanya boleh dibuat sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan berikutan dengan peruntukan seksyen ini hendaklah dikira sebagai pelaburan dan dibenarkan di bawah subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Prosedur Kewangan 1957 [*Akta 61*].

(3) Apa-apa dividen atau jumlah wang lain yang diterima oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Duti setem tidak boleh dikenakan berkenaan dengan apa-apa pertambahan modal syarikat pengganti yang —

(a) dilaksanakan melalui penerbitan syer; dan

(b) diperakui oleh Perbendaharaan sebagai dilaksanakan melalui penerbitan syer yang dipohon beli oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (1).

Kakitangan

6. (1) Syarikat pengganti hendaklah menyetujui terima untuk mengambil kerja, pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu ialah anggota kakitangan Institut dan yang telah diberikan suatu pilihan oleh Institut dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang memilih di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma dan syarat perkhidmatan yang dia berhak kepadanya sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

Kerajaan Malaysia hendaklah memegang semua syer dalam syarikat pengganti

7. (1) Menteri Kewangan boleh, dari semasa ke semasa, bagi pihak Kerajaan Malaysia, memohon beli atau selainnya memperoleh semua syer dalam syarikat pengganti.

(2) Syer dalam syarikat pengganti yang dipegang oleh Menteri Kewangan hendaklah dipegang oleh Menteri Kewangan Diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [Akta 375].

(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau kaedah undang-undang, adalah tidak perlu melengkapkan atau mendaftarkan sesuatu pemindahan syer daripada jenis yang disebut dalam subseksyen (2) berikutan dengan pertukaran orang yang memegang jawatan Menteri Kewangan.

(4) Menteri Kewangan boleh menjalankan segala hak dan kuasa yang berhubung kait dengan syer dalam syarikat pengganti yang dipegang olehnya.

(5) Menteri Kewangan boleh, pada bila-bila masa, melalui notis bertulis kepada Setiausaha Syarikat bagi syarikat pengganti, memberi kuasa, atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan dalam notis itu, mana-mana orang yang difikirkannya patut untuk bertindak sebagai wakilnya pada mana-mana atau semua mesyuarat pemegang syer syarikat pengganti atau mana-mana kelas pemegang syer, dan mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian berhak menjalankan kuasa yang sama, bagi pihak Menteri Kewangan, sebagaimana yang Menteri Kewangan boleh menjalankannya jika hadir sendiri pada mesyuarat itu.

Menteri Kewangan hendaklah memegang syer

8. (1) Menteri Kewangan tidak boleh—

- (a) menjual atau selainnya melupuskan mana-mana syer dalam syarikat pengganti yang dipegang olehnya kepada mana-mana orang; atau

- (b) membenarkan syer dalam syarikat pengganti diumpukkan kepada mana-mana orang.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) terpakai bagi syer keutamaan boleh tebus yang—

- (a) tidak boleh ditukar kepada syer daripada mana-mana kelas yang lain; dan
- (b) tidak memberikan apa-apa hak mengundi pada mana-mana mesyuarat agung syarikat pengganti.

BAHAGIAN III

KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD

Pelantikan Ketua Pengarah

9. (1) Menteri hendaklah, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik seorang pegawai awam untuk menjadi Ketua Pengarah Jabatan Standard bagi maksud menjalankan kewajipan dan fungsi yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai meterai rasmi yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi pengesahan dokumen yang dikehendaki bagi maksud kewajipan dan fungsinya di bawah Akta ini.

Kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah

10. (1) Kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah adalah untuk membangunkan dan memajukan standard, dan untuk mengakreditasikan badan penilaian pematuhan sebagai cara untuk memajukan ekonomi negara, memanfaatkan kesihatan, keselamatan dan kebajikan awam dan alam sekitar, membantu dan melindungi pengguna, memajukan kecekapan dan pembangunan industri,

memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa dan melanjutkan kerjasama antarabangsa berhubung dengan penstandardan dan akreditasi.

(2) Pada menunaikan kewajipan dan fungsinya di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh—

- (a) mewakili Malaysia dalam aktiviti penstandardan dan akreditasi antarabangsa;
- (aa) melantik, mengikut kriteria yang diluluskan oleh Majlis, mana-mana organisasi di Malaysia untuk membangunkan standard dan untuk menyelaraskan perwakilan Malaysia dalam aktiviti penstandardan antarabangsa;
- (b) menggalakkan kerjasama antara organisasi yang terlibat dengan penstandardan di Malaysia, jabatan dan agensi Kerajaan bagi maksud mencapai keserasian dan penggunaan umum yang maksimum bagi standard;
- (c) melaksanakan kriteria, sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis, yang berhubungan dengan penyediaan, kelulusan, penerimaan dan penetapan standard sebagai Standard Malaysia;
- (d) mengesyorkan kepada Menteri standard yang dikemukakan oleh mana-mana organisasi yang dilantik di bawah perenggan (aa) sebagai Standard Malaysia, jika sesuai, dan menyenggara indeks Standard Malaysia;
- (e) mengumpul, menterjemah dan menyebarkan maklumat mengenai standard dan aktiviti penstandardan di dalam dan di luar Malaysia;
- (f) menggalakkan penggunaan Standard Malaysia;
- (g) mengesyorkan kepada Menteri supaya diterima pakai mana-mana standard antarabangsa atau luar negeri, dengan atau tanpa ubah suaian, sebagaimana yang sesuai bagi kegunaan di Malaysia;

- (h) mengakreditasikan, mengikut kriteria sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis, badan yang terlibat dalam penilaian pematuhan dan menyenggara suatu daftar badan terakredit dan tanda pematuhan mereka;
- (i) melantik organisasi-organisasi sebagai ejen untuk mengadakan perkhidmatan penilaian bagi pengakreditasian yang diperuntukkan di bawah Akta ini;
- (j) *(Dipotong oleh Akta A1425);*
- (k) *(Dipotong oleh Akta A1425);*
- (l) menetapkan dan mendaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 simbol akreditasi Jabatan sendiri;
- (m) membenarkan dan mengawal selia penggunaan mana-mana simbol akreditasi yang disebut di bawah perenggan (l);
- (n) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, sektor perindustrian, komersil dan tred dan mana-mana organisasi lain yang ditentukannya dengan tujuan memastikan standard diterima pakai;
- (o) menggalakkan perkiraan kerjasama dengan organisasi yang terlibat dalam penstandardan dan akreditasi di negara lain bagi pertukaran maklumat;
- (p) menasihati Menteri tentang keperluan, sumber dan penguntukan sumber kewangan kepada organisasi Malaysia yang terlibat dalam penstandardan untuk membantu mereka memenuhi kehendak kebangsaan dan antarabangsa;
- (q) menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan organisasi tempatan dan luar negara yang terlibat dalam penstandardan, akreditasi dan perkara berkaitan yang lain dalam sektor awam dan swasta, dan mengekalkan

pendedahan kepada keperluan perindustrian dalam penstandardan dan akreditasi;

- (qa) dengan bekerjasama dengan agensi yang berkaitan, memudahkan pembangunan peraturan teknikal dan membangunkan dan memajukan prinsip dan tatacara bagi pelaksanaan peraturan teknikal dan penilaian pematuhan; dan
- (r) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang dikehendaki oleh Menteri.

Kuasa untuk mewakilkan

11. (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada mana-mana pegawai awam, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana kewajipannya atau fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidak mencegah Ketua Pengarah itu sendiri daripada melaksanakan kewajipan atau menjalankan fungsi yang diwakilkan sedemikian.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

12. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan kepada Ketua Pengarah yang tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan segala arahan sedemikian.

BAHAGIAN IV

PENUBUHAN MAJLIS STANDARD DAN AKREDITASI

Penubuhan Majlis Standard dan Akreditasi dan fungsinya

13. (1) Suatu Majlis yang akan dikenali sebagai Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang wakil syarikat pengganti;
- (d) lima orang wakil Kerajaan; dan
- (e) tidak lebih daripada dua belas orang anggota lain yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman yang luas atau pengetahuan khas dalam perkara yang berhubungan dengan penstandardan dan akreditasi.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi seorang anggota *ex officio* Majlis.

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri, kewajipan Majlis —

- (a) untuk menasihati Menteri berkenaan dengan dasar, program, skim, projek dan aktiviti penstandardan dan akreditasi;
- (b) untuk menasihati Menteri berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti untuk menggalakkan kecekapan dan pembangunan perindustrian, dan bagi perlindungan pengguna, melalui aktiviti penstandardan dan akreditasi;
- (c) untuk menasihati Menteri berkenaan dengan standard bagi komoditi, proses, amalan dan perkhidmatan;
- (d) untuk menasihati Menteri mengenai keutamaan berkenaan dengan penstandardan untuk memastikan keberkesanan yang maksimum;
- (e) untuk menasihati Menteri mengenai pelaksanaan berkesan Standard Malaysia bagi komoditi, proses, amalan dan perkhidmatan;

- (f) untuk meluluskan kriteria yang berhubungan dengan penyediaan, pelulusan, penerimaan dan penetapan standard di Malaysia;
- (g) untuk meluluskan kriteria yang berhubungan dengan akreditasi badan penilaian pematuhan;
- (h) *(Dipotong oleh Akta A1425)*;
- (i) untuk menasihati Menteri mengenai penganjuran dan pelaksanaan program akreditasi;
- (j) *(Dipotong oleh Akta A1425)*;
- (k) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditentukan atau diwakilkan oleh Menteri.

(4) Seseorang anggota Majlis hendaklah, melainkan jika dia meletakkan atau mengosongkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun dan layak dilantik semula bagi apa-apa tempoh berturut-turut yang tidak melebihi tiga tahun.

(4A) Menteri boleh melantik, atas penamaan seseorang anggota, tidak lebih daripada seorang untuk menjadi anggota silih ganti bagi anggota itu untuk menghadiri mesyuarat Majlis bagi menggantikan anggota itu apabila anggota itu tidak dapat hadir oleh kerana apa-apa sebab.

(4B) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis bagi menggantikan seseorang anggota, seseorang anggota silih ganti hendaklah disifatkan sebagai anggota Majlis.

(5) Sekiranya Pengerusi tiada atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain atau jika jawatan Pengerusi itu kosong, Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan kewajipan dan fungsi Pengerusi.

(6) Dalam keadaan pembahagian undi yang sama banyak atas apa-apa perkara di hadapan Majlis, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Jawatankuasa

14. Walau apa pun seksyen 13, Majlis boleh, tertakluk kepada kelulusan Menteri terlebih dahulu, menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu bagi menunaikan kewajibannya atau fungsinya, atau bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan mana-mana kewajibannya atau fungsinya.

BAHAGIAN V

STANDARD DAN AKREDITASI

Standard Malaysia

15. (1) Menteri boleh meluluskan dan mengisytiharkan mana-mana standard yang telah diterima pakai dengan atau tanpa ubah suaian sebagai suatu Standard Malaysia atau Standard Malaysia sementara bagi maksud Akta ini, dan boleh meminda, menyemak atau menarik balik mana-mana Standard Malaysia atau Standard Malaysia sementara.

(2) Jika sesuatu standard telah diisytiharkan sebagai suatu Standard Malaysia sementara, ungkapan “Sementara” atau “S” hendaklah dimasukkan ke dalam tajuk atau nombor Standard Malaysia itu.

(3) Tiada standard boleh diisytiharkan sebagai Standard Malaysia, dan tiada Standard Malaysia boleh dipinda, disemak atau ditarik balik, melainkan jika Menteri berpuas hati bahawa orang yang mungkin terjejas oleh perisytiharan, pindaan, penyemakan atau penarikan balik itu telah mendapat peluang untuk menimbangkannya dan untuk memberikan ulasan mengenainya melalui suatu mekanisme sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Perisytiharan, pindaan, penyemakan atau penarikan balik sesuatu Standard Malaysia hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau, jika tiada peraturan-

peraturan sedemikian telah dibuat, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1425).*

(6) *(Dipotong oleh Akta A1425).*

Perakuan akreditasi

16. (1) Mana-mana orang yang ingin diakreditasi sebagai suatu badan penilaian pematuhan boleh memohon kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, atau jika tiada peraturan-peraturan sedemikian telah dibuat, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Jika Ketua Pengarah, selepas menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), berpuas hati bahawa kriteria dan tatacara yang berhubungan dengan akreditasi telah dipenuhi, dia boleh memberikan suatu perakuan akreditasi kepada pemohon sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, atau jika tiada peraturan-peraturan sedemikian telah dibuat, sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Sesuatu perakuan akreditasi di bawah seksyen ini hendaklah diberikan bagi sesuatu tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tetapi selagi terma dan syarat perakuan akreditasi itu dipatuhi, perakuan akreditasi itu boleh dari semasa ke semasa diperbaharui oleh Ketua Pengarah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan olehnya.

(4) Tiap-tiap orang yang memohon untuk mendapatkan perakuan akreditasi di bawah seksyen ini dan tiap-tiap orang yang kepadanya perakuan akreditasi diberikan sedemikian hendaklah, jika dia pada bila-bila masa dikehendaki berbuat sedemikian oleh Ketua Pengarah, mengemukakan—

(a) bagi penilaian atau pemeriksaan, segala dokumen;

(b) apa-apa maklumat,

yang berhubungan dengan pengendalian yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi itu dipohon atau telah diberikan.

(5) Bagi maksud akreditasi di bawah seksyen ini, hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah oleh pemohon atau pemegang perakuan akreditasi itu, fi akreditasi yang ditetapkan dan apa-apa kos lain yang mungkin semunasabahnya dilakukan berkaitan dengan akreditasi.

(6) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan suatu daftar untuk merekodkan perincian tiap-tiap perakuan akreditasi yang diberikan di bawah seksyen ini dan daftar itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.

(7) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan sesuatu perakuan akreditasi yang diberikan di bawah seksyen ini jika, pada pendapatnya, mana-mana terma dan syarat yang berhubung kait dengan perakuan akreditasi itu telah dimungkiri, tetapi pemegang perakuan akreditasi yang perakuan akreditasinya telah digantung atau dibatalkan boleh merayu kepada Majlis.

Sekatan atas penggunaan perkataan

17. (1) Tiada kumpulan orang boleh, kecuali dengan persetujuan Menteri, menjalankan fungsi yang baginya ia dibentuk di bawah suatu nama yang mengandungi perkataan “Standard Malaysia” atau “Jabatan Standard, Malaysia” atau apa-apa singkatan atau singkatan yang mengelirukan atau apa-apa yang menyerupainya.

(2) Jika mana-mana undang-undang bertulis mengadakan peruntukan bagi pendaftaran mana-mana kumpulan orang, pihak berkuasa pendaftaran boleh enggan mendaftarkan jika pada pendapatnya penggunaan nama yang dengannya kumpulan orang itu ingin didaftarkan dilarang di bawah subseksyen (1).

(3) Seksyen ini hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi orang perseorangan yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran selain daripada nama dan gelarannya sendiri.

(4) Mana-mana kumpulan orang atau mana-mana orang yang melakukan apa-apa tindakan melanggar dengan seksyen ini melakukan suatu kesalahan melainkan jika dibuktikan bahawa tindakan itu tidak dilakukan untuk mendapatkan keuntungan atau dengan niat hendak menipu, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan pelbagai

18. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, dengan merujuk kepada apa-apa penilaian pematuhan yang memberikan atau mungkin memberikan tanggapan bahawa seseorang yang tidak diakreditasi di bawah Akta ini dengan merujuk kepada aktiviti penilaian pematuhan itu diakreditasi sedemikian;
- (b) membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, yang memberikan atau mungkin memberikan tanggapan bahawa sesuatu penilaian pematuhan mematuhi kehendak akreditasi sedangkan ia tidak mematuhi sedemikian; atau
- (c) setelah diakreditasi untuk menggunakan sesuatu simbol akreditasi, menggunakan perakuan akreditasi selepas penarikbalikannya, atau semasa penggantungannya, atau selainnya dengan melanggar terma-terma dan syarat-syarat perakuan akreditasi itu,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pemunyaan Standard Malaysia

18A. Kesemua Standard Malaysia adalah dipunyai oleh Kerajaan Malaysia dan tiada bahagian Standard Malaysia boleh dihasilkan semula dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

19. Jika suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan memandangkan segala hal keadaan.

Ciri-ciri komoditi, dsb., boleh ditetapkan dengan merujuk kepada Standard Malaysia

20. Jika mana-mana undang-undang bertulis memberikan kuasa untuk menetapkan atau menentukan, sama ada melalui perundangan subsidiari atau selainnya, apa-apa ciri bagi apa-apa komoditi, proses, amalan atau perkhidmatan, ciri-ciri itu atau mana-mana daripadanya boleh ditetapkan atau ditentukan dengan merujuk kepada mana-mana Standard Malaysia atau bahagiannya.

Sebutan dan bukti standard

21. Dalam mana-mana undang-undang bertulis, sesuatu Standard Malaysia boleh, tanpa menjejaskan apa-apa cara sebutan yang lain, disebut mengikut tajuk atau nombor yang diberikan kepadanya oleh Menteri; dan apa-apa sebutan itu hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, disifatkan merujuk

kepada Standard Malaysia itu sebagaimana yang berkuat kuasa pada masa undang-undang itu dibuat.

BAHAGIAN VA

PENGUATKUASAAN

Pegawai diberi kuasa

21A. Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, memberi kuasa mana-mana pegawai Jabatan atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

Kad kuasa

21B. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

(2) Bilamana pegawai diberi kuasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa penyasatan

21C. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan penyasatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang menjalankan penyasatan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa berhubung dengan penyasatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

21D. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah daripada pegawai diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang Majistret itu fikirkan perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi, atau ada di dalam atau pada mana-mana premis keterangan yang perlu untuk membuktikan pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki premis dan menggeledah bagi, menyita dan menahan mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain;
- (b) untuk memeriksa, membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita dan ditahan;
- (c) untuk mengambil milikan, dan memindahkan dari premis mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita dan menahannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang perlu;
- (d) untuk menggeledah mana-mana orang yang berada di dalam, atau pada, premis itu dan bagi maksud menggeledah, menahan orang itu dan memindahkannya ke tempat yang perlu untuk membantu pengeledahan, dan menyita dan menahan apa-apa harta atau dokumen yang dijumpai pada orang itu; atau

- (e) untuk memecah buka, memeriksa dan menggeledah mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain.

(2) Seseorang pegawai diberi kuasa yang bertindak di bawah subseksyen (1) boleh, jika perlu berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis dan memasuki premis itu;
- (b) memasuki dengan secara kekerasan premis dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) memindahkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan, penahanan atau pemindahan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan; atau
- (d) menahan mana-mana orang yang dijumpai di premis yang digeledah di bawah subseksyen (1) sehingga penggeledahan itu selesai.

(3) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk memindahkan mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain itu.

(4) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (3) atau memindahkan komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain itu yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

21E. Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah di bawah seksyen 21D penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan dalam, di dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 21D dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Waran boleh diterima walau apa pun kerosakan

21F. Sesuatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu, dan mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita di bawah waran itu boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Akses kepada data berkomputer

21G. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami.

Senarai komputer, buku, rekod, dsb., yang disita

21H. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan senarai komputer, buku, rekod, data berkomputer,

dokumen atau benda lain yang disita dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada orang yang mengawal atau bertanggungjawab bagi premis yang telah digeledah itu.

Pemeriksaan orang yang mengetahui kes

21I. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa, tetapi dia boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan itu.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

21J. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada pegawai diberi kuasa semasa penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai diberi kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu kawad cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai diberi kuasa semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

21K. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di

hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang sedemikian enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

Pelepasan komputer, buku, rekod, dsb., yang disita

21L. (1) Jika mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Ketua Pengarah, melepaskan komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain itu kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang membuat pelepasan komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Ketua Pengarah dalam tempoh tujuh hari dari pelepasan itu.

Kos memegang komputer, buku, rekod, dsb., yang disita

21M. Jika mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan pegawai diberi kuasa sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang disabitkan atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

21N. Tiada seorang pun, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa tambahan

21O. Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa komputer, buku, rekod, data berkomputer, dokumen atau benda lain yang disimpan oleh mana-mana orang dan untuk meneliti, memeriksa dan untuk membuat salinan daripadanya;
- (b) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan apa-apa pembuatan atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) untuk membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

Menghalang pegawai diberi kuasa

21P. Mana-mana orang yang—

- (a) mengamang, menghalang, menyekat atau mengganggu mana-mana pegawai diberi kuasa dalam pelaksanaan kuasanya di bawah Akta ini;
- (b) enggan memberikan akses kepada mana-mana pegawai diberi kuasa kepada mana-mana premis yang pegawai diberi kuasa berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau

- (c) enggan memberikan kepada mana-mana pegawai diberi kuasa apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh semunasabahnya dikehendaki daripadanya dan yang ada dalam pengetahuannya atau yang dia berkuasa untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

AM

Peraturan-peraturan

22. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau mengenai segala atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) menetapkan cara standard boleh diisytiharkan sebagai Standard Malaysia;
- (b) mengawal selia pengisytiharan Standard Malaysia;
- (c) mengadakan peruntukan bagi pindaan, penyemakan atau penarikbalikan mana-mana Standard Malaysia atau Standard Malaysia sementara dan mengawal selia tatacara yang berhubungan dengannya;
- (d) menetapkan cara perakuan akreditasi boleh diberikan;
- (e) mengawal selia pengeluaran perakuan akreditasi, menetapkan terma dan syarat yang atasnya atau tertakluk

kepadanya perakuan akreditasi boleh dikeluarkan, dan mengawal selia pembaharuan, penggantungan atau pembatalan perakuan akreditasi dan tatacara bagi merayu terhadap penggantungan atau pembatalan itu;

- (f) (*Dipotong oleh Akta A1425*);
- (g) menetapkan kaedah untuk membuktikan adanya atau tidak adanya terma dan syarat bagi mana-mana perakuan akreditasi yang diberikan di bawah Akta ini;
- (h) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (i) menetapkan perkara yang berkenaan dengannya fi kena dibayar di bawah Akta ini atau di bawah peraturan-peraturan, amaun fi, dan orang yang bertanggung membayarnya;
- (j) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti pada mesyuarat Majlis;
- (k) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

Pemansuhan dan kecualian

23. (1) Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 [*Akta 157*] dimansuhkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), segala perundangan subsidiari yang dibuat di bawah atau mengikut Akta yang dimansuhkan hendaklah, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga diubahsuaikan, dibatalkan atau digantikan oleh Akta ini.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil

24. (1) Pemansuhan di bawah seksyen 23 atau apa-apa yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk dihukum atau didakwa kerana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan itu sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini atau menjejaskan apa-apa prosiding yang telah dibawa sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kuasa tindakan yang belum selesai atau yang sedia ada sebelum sahaja tarikh peletakhakan oleh atau terhadap Institut atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap syarikat pengganti seolah-olah prosiding itu telah dimulakan oleh atau terhadap Institut atau orang itu jika Akta ini tidak diluluskan:

Dengan syarat bahawa jika prosiding itu berhubungan dengan perkara yang berkaitan dengan apa-apa perjanjian akreditasi, prosiding itu hendaklah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh peletakhakan terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum tarikh itu dalam apa-apa prosiding undang-undang yang dalamnya Institut menjadi satu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap syarikat pengganti:

Dengan syarat bahawa jika rayuan itu berhubungan dengan perkara yang berkaitan dengan apa-apa perjanjian akreditasi, rayuan itu hendaklah dibawa oleh atau terhadap Kerajaan.

Kecualian bagi standard, tanda dan lesen

25. (1) Semua standard yang diisytiharkan sebagai Standard Malaysia di bawah seksyen 28 Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 atau yang menurut kuasa seksyen 49 Akta tersebut terus wujud sebagai Standard Malaysia yang diisytiharkan di bawah seksyen 28 dan yang wujud sebagai Standard Malaysia sebelum sahaja mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah terus wujud sebagai Standard Malaysia yang diisytiharkan di bawah seksyen 15 Akta ini sehingga ditarik balik di bawah seksyen itu.

(2) Semua tanda yang didaftarkan sebagai cap dagangan perakuan menurut kuasa seksyen 29 Akta tersebut atau yang disifatkan telah didaftarkan di bawah seksyen 49 Akta tersebut dan tetap terdaftar sedemikian sebelum sahaja mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah terus tetap terdaftar.

(3) *(Dipotong oleh Akta A1425).*

Pencegahan anomali

26. (1) Jika timbul apa-apa kesulitan berkaitan dengan peruntukan peralihan yang terkandung dalam Bahagian ini, Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), dengan perintah membuat apa-apa ubah suaian dalamnya sebagaimana yang didapatinya perlu bagi mencegah anomali.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas habis tempoh dua tahun dari mula berkuat kuasanya Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 549****AKTA STANDARD MALAYSIA 1996**

SENARAI PINDAAN

| Undang-undang yang meminda | Tajuk ringkas | Berkuat kuasa dari |
|-------------------------------|--|-----------------------|
| Akta A1425 | Akta Standard Malaysia (Pindaan) 2012 | 15-04-2012 |

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 549****AKTA STANDARD MALAYSIA 1996**

SEKSYEN YANG DIPINDA

| Seksyen | Kuasa meminda | Berkuat kuasa dari |
|------------------|---------------|--------------------|
| Tajuk Panjang | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 2 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 10 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 13 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| Bahagian V | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 15-18 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 18A | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| Bahagian VA | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 21A-21P | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 22 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| 25 | Akta A1425 | 15-04-2012 |
| Keseluruhan Akta | Akta A1425 | 15-04-2012 |
